

Pas Kelantan sambut baik keputusan

KOTA BHARU – Pas Kelantan menyambut baik keputusan Mahkamah Persekutuan yang menolak usul difaillkan Gerakan untuk mencabar Enakmen Kanun Jenayah Syariah II 1993 (Pindaan 2015) yang didakwa bercanggah dengan Perlembagaan.

Timbalan Menteri Besar, Datuk Mohd Amar Nik Abdullah berkata, keputusan itu menyaksikan kejayaan besar Pas negeri yang memper tahankan hukum-hukum ALLAH.

“Alhamdulillah, kita menyambut baik ke-

putusan itu. ini merupakan satu kejayaan yang cemerlang buat kita semua,” katanya kepada media di sini.

Beliau hadir mewakili Menteri Besar, Datuk Ahmad Yakob merasmikan Majlis Perasmian Konvensyen Pegawai Hal Ehwal Islam dan Pegawai Syariah Malaysia yang turut dihadiri Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom dan Pengerusi Pembangunan Islam, Dakwah dan Hubungan Seranta, Datuk Mohd Nassuruddin Daud.

Permohonan tolak hudud gagal

BH - 21/10/15 (M/S.13)



Barisan peguam yang mewakili Kerajaan Negeri Kelantan sejurus selesai prosiding.

PUTRAJAYA - Mahkamah Persekutuan semalam menolak permohonan tiga individu dari Parti Gerakan untuk memulakan petisyen bagi mencabar pelaksanaan Enakmen Undang-undang Jenayah Syariah (Hudud) di Kelantan.

Hakim Datuk Zaharah Ibrahim membuat keputusan itu selepas mendapati tiada asas yang mencukupi untuk ketiga-tiga pemohon memulakan tindakan itu.

Zaharah berkata, mahkamah mendapati tiada sebarang perkara dalam enakmen hudud yang boleh menjejaskan hak pemohon.

“Tidak ada kenyataan dalam mana-mana affidavit pemohon mengenai cara dan bagaimana undang-undang ini memberi kesan dalam hak asasi pemohon,” katanya.

Menurutnya, undang-undang yang sedang dicabar pemohon hanya terpakai kepada orang Islam.

“Tiada suatu pernyataan dalam affidavit berkenaan menunjukkan pemohon adalah orang Islam dan akan tertakluk kepada undang-undang yang sedang dicabar,” katanya.

Tiga individu itu adalah Tuan Mat Tuan Wil, Soh Hoon Lee dan Chung Mon Sie.

Mereka selaku pemohon memfailkan notis usul pada 8 Mei lalu bagi memohon kebenaran Mahkamah Persekutuan untuk mencabar kesahihan Kanun Jenayah Syariah (11) Kelantan 1993 (Pindaan 2015) atau lebih dikenali sebagai hudud, di sisi Perlembagaan.

Mereka menamakan Kerajaan Negeri Kelantan sebagai responden.

Dalam notis usul itu, mereka mendakwa Dun Kelantan tidak mempunyai kuasa untuk menggubal undang-undang bagi menghukum perbuatan jenayah, yang boleh dihukum mengikut undang-undang Persekutuan.

Mereka mendakwa keputusan Dun meluluskan

pindaan itu adalah tidak sah dan batal dan bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan.

Sementara itu, peguam Datuk Sulaiman Abdullah yang mengetuai barisan peguam mewakili Kerajaan Negeri Kelantan berkata, pihaknya gembira dengan keputusan itu namun mana-mana pihak yang berkepentingan dan tergugat akibat pelaksanaan hudud masih boleh mencabar pelaksanaannya.

Dalam pada itu, Peguam Datuk Takiyuddin Hassan yang juga Setiausaha Agung Pas berkata, hudud merupakan undang-undang yang sah namun belum boleh dilaksanakan di Kelantan.

“Rang undang-undang itu tidak boleh dibawa ke Parlimen sehingga kes yang difailkan empat individu di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur bagi menghalang Presiden Pas Datuk Seri Abdul Hadi Awang daripada membentangkan rang undang-undang itu selesai,” katanya.